

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.AG.600-12/1/4-6.0042

Tarikh : 10 Disember 2025

Pengerusi
SALVATION ARMY SOCIAL FUND
Regional Headquarters Malaysia
26 3rd Floor
Jalan Puteri 4/2
Bandar Puteri Puchong
47100 Puchong
SELANGOR

PERHATIAN: SILA NYATAKAN
DENGAN JELAS NOMBOR RUJUKAN
KELULUSAN 0042 DALAM SEMUA
URUSAN SURAT MENYURAT RASMI
DENGAN PEJABAT INI. HARAP
MAKLUM, TERIMA KASIH.

Tuan,

SALVATION ARMY SOCIAL FUND
LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI
BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas berkaitan tempoh kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) telah meluluskan permohonan **lanjutan tempoh kelulusan** di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967. Dengan kelulusan ini derma wang tunai kepada **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** layak diberi potongan dalam mengira pendapatan agregat pendermanya tertakluk kepada peraturan sedia ada di bawah peruntukan ini dan **semua pendapatan SALVATION ARMY SOCIAL FUND** layak mendapat pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatannya di bawah subsubperenggan 13(1)(a), Jadual 6 ACP.

3. Kelulusan ini berkuat kuasa bagi tempoh **10 tahun mulai 01 Januari 2026 hingga 31 Disember 2035** tertakluk kepada syarat kelulusan, larangan dan tanggungjawab dalam tempoh kelulusan sebagaimana yang ditetapkan di **Lampiran A**.

4. Sekiranya bercadang untuk membuat pelaburan, **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah mematuhi Dasar Pelaburan sebagaimana yang ditetapkan di **Lampiran B**.

5. Mulai Tahun Taksiran 2024, pengecualian cukai pendapatan tidak layak dinikmati dalam mana-mana tahun taksiran yang **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** gagal mematuhi mana-mana syarat, larangan dan tanggungjawab yang dinyatakan di perenggan 3 dan 4 di atas. Kegagalan ini juga membolehkan KPHDN menarik balik kelulusan pada bila-bila masa.

6. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah mengemukakan Akujanji (tiada format tertentu yang ditetapkan) kepada KPHDN dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat kelulusan ini berkaitan perkara-perkara berikut:

- a) pengakuan untuk mengemukakan contoh resit rasmi kepada KPHDN bagi persetujuan sebelum ianya dicetak. Contoh resit rasmi tidak perlu dikemukakan sekiranya **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** telah menggunakan e-Invois. Sila maklumkan di dalam Akujanji sekiranya pihak **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** telah menggunakan e-Invois;
- b) pengakuan bahawa surat kelulusan telah diterima dengan teratur dan lengkap; dan
- c) pengakuan bahawa **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** telah jelas, faham dan akan mematuhi semua syarat kelulusan, larangan dan tanggungjawab dalam tempoh kelulusan sebagaimana yang ditetapkan di **Lampiran A** dan Dasar Pelaburan sebagaimana yang ditetapkan di **Lampiran B**, sekiranya berkaitan.

7. HASiL akan menjalankan semakan pematuhan syarat-syarat kelulusan secara menyeluruh dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kelulusan berkuat kuasa dengan mengambil kira tempoh penyimpanan dokumen dan had masa yang telah diperuntukkan di bawah ACP.

8. Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, permohonan rasmi secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada KPHDN dalam tempoh 6 bulan sebelum tempoh kelulusan sedia ada tamat. Lanjutan tempoh kelulusan hanya akan dipertimbangkan sekiranya **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** mematuhi semua syarat kelulusan dan larangan serta tanggungjawab di **Lampiran A** dan Dasar Pelaburan di **Lampiran B** sekiranya membuat pelaburan, di sepanjang tempoh kelulusan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



HAIRUL ANUAR BIN SAMUDIN

Pengarah

Bahagian Kelulusan dan Pemantauan

Sektor Dasar Percukaian

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**s.k : SEKSYEN AUDIT SYARIKAT DAN SELAIN SYARIKAT
HASIL WP JOHOR
Karung Berkunci 719
PO Pusat Mel Johor Bahru
81200 Johor Bahru, Johor
[NO. FAIL CUKAI PENDAPATAN: F 26415652080]**

(Untuk makluman **lanjutan tempoh kelulusan** di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 bagi **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** telah diluluskan selama **10 tahun mulai 01 Januari 2026 hingga 31 Disember 2035**).

1. **KUASA KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI (KPHDN) KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT-SYARAT, TANGGUNGJAWAB DAN LARANGAN**

Institusi/ Organisasi (IO) yang telah diluluskan oleh KPHDN di bawah subseksyen 44(6) perlu mematuhi syarat-syarat kelulusan, melaksanakan tanggungjawab dan patuh kepada larangan sepanjang tempoh kelulusan berkuat kuasa. Syarat-syarat kelulusan termasuk tanggungjawab IO dan larangan dalam tempoh kelulusan yang disenaraikan ini tidak menghadkan atau menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) berkenaan dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

2. **SYARAT-SYARAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

Dalam tempoh kelulusan, **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- 2.1 **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah terus ditubuhkan dengan tidak bertujuan untuk mencari keuntungan.
- 2.2 **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah secara berterusan memberikan khidmat atau manfaat tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - a. Khidmat atau manfaat mestilah terbuka kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Namun begitu, khidmat atau manfaat boleh diperluaskan kepada selain daripada rakyat Malaysia yang terjejas dan berada dalam kesusahan di Malaysia dengan syarat **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** perlu mengemukakan permohonan kepada KPHDN terlebih dahulu untuk kelulusan.
 - b. khidmat atau manfaat tidak terhad kepada sesuatu kumpulan sasaran berdasarkan keturunan, anutan agama, fahaman politik atau kawasan tertentu, tetapi cukup untuk mencapai populasi tertentu di kalangan rakyat Malaysia (*sufficient section of the public*);
 - c. Khidmat atau manfaat hendaklah diberikan secara percuma atau tanpa sebarang balasan/ syarat. Sekiranya **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** mengenakan bayaran atau caj, **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** perlu mengemukakan Polisi Bantuan Kewangan (*Financial Assistance Policy - FAP*) yang lengkap dan komprehensif bagi tujuan kelulusan KPHDN. Pengenaan bayaran atau caj mestilah sekurang-kurangnya 20% lebih rendah daripada kadar pasaran.
 - d. khidmat atau manfaat mestilah tidak dinikmati oleh pengasas/ ahli lembaga pemegang amanah (ALPA)/ ahli lembaga pengarah (ALP)/ ahli jawatankuasa (AJK)/ mana-mana pihak yang mengendalikan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;
 - e. khidmat atau manfaat mestilah tidak dinikmati oleh ahli keluarga atau mana-mana pihak yang berkepentingan dengan pengasas/ ALPA/ ALP/ AJK atau mana-mana pihak yang mengendalikan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;

2.3 **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah melantik ALPA/ ALP/ AJK tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a. lebih 50% ALPA/ ALP/ AJK mestilah terdiri daripada orang luar. Maksud orang luar ialah yang tidak mempunyai perkaitan dan tidak terhad kepada yang berikut:
 - i. tidak mempunyai perkaitan dengan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;
 - ii. tidak mempunyai hubungan kekeluargaan seperti ibu-bapa, anak, adik beradik termasuk lain-lain hubungan kekeluargaan yang rapat;
 - iii. tidak mempunyai hubungan majikan dan pekerja dalam syarikat subsidiari yang dimiliki oleh **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** tanpa mengambil kira peratusan pegangan saham;
 - iv. tidak mempunyai hubungan pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama antara satu sama lain;
 - v. bukan ahli berdaftar dalam **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;
- b. Syarat pelantikan di perenggan 2.3(a) terpakai kepada institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- c. Bagi institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), kesemua syarat di perenggan 2.3(a) terpakai kecuali syarat di perenggan 2.3(a)(v) kerana institusi atau organisasi yang berdaftar dengan BHEUU tidak mempunyai konsep keahlian (*membership*).
- d. Bagi institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), kesemua syarat di perenggan 2.3(a) terpakai kecuali syarat di perenggan 2.3(a)(v). Lantikan ALPA/ ALP/ AJK mestilah terdiri daripada ahli-ahli yang berdaftar dan mempunyai kuasa untuk mengundi.
- e. Pemilihan dan pelantikan ALPA/ ALP/ AJK institusi atau organisasi mestilah sesuai dan tepat (*proper and fit*). Di samping faktor pengalaman, kebertanggungjawaban dan reputasi yang baik, ALPA/ ALP/ AJK yang dilantik juga hendaklah patuh kepada pengemukaan BNCP masing-masing di bawah seksyen 77 ACP.

2.4 **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah memastikan pengasas/ ALPA/ ALP/ AJK/ mana-mana pihak yang mengendalikan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** tidak menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;

2.5 **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah memastikan pengasas/ ALPA/ ALP/ AJK tidak menerima manfaat atau saraan daripada institusi atau organisasi termasuk emolumen tetap dan mestilah dinyatakan dalam perlembagaan. Walau bagaimanapun, permohonan untuk kelulusan penerimaan manfaat boleh dipertimbangkan dalam keadaan seperti berikut:

- a. pengasas/ ALPA/ ALP/ AJK adalah dari golongan kurang upaya, kehilangan upaya disebabkan kecederaan atau berpenyakit. Permohonan perlu

disokong dengan dokumen pengesahan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau surat pengesahan pegawai perubatan Kerajaan; atau

- b. tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) berkaitan tugas rasmi institusi atau organisasi adalah dibenarkan dengan sokongan dokumen berkaitan.

3. TANGGUNGJAWAB/ KEWAJIPAN DALAM TEMPOH KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

Tanggungjawab **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah seperti berikut:-

3.1 Resit rasmi –

- a. Semua derma yang diterima dalam bentuk tunai atau melalui perbankan internet, cek / kiriman wang / wang pos / draf bank perlu dikeluarkan resit rasmi.
- b. Resit rasmi mesti menggunakan Bahasa Melayu atau dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dan mengandungi maklumat berikut :-
 - i. nama dan alamat **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;
 - ii. nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*);
 - iii. tarikh resit;
 - iv. nama penderma berserta dengan nombor kad pengenalan, nombor passport dan nombor pendaftaran perniagaan penderma;
 - v. alamat surat menyurat penderma;
 - vi. jawatan pemungut (*collector*) seperti Presiden atau Bendahari; dan
 - vii. catatan berikut –

**“Potongan Di Bawah Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967,
No. Rujukan: LHDN.AG.600-12/1/4-6.0042
Tempoh Kuat Kuasa: 01 Januari 2026 hingga 31 Disember 2035”**

- c. Resit **tidak layak dikeluarkan** kepada penderma yang gagal memberikan maklumat yang lengkap berkaitan dirinya. Maklumat yang lengkap perlu diberikan dengan butiran berikut :-

Penderma Individu	Penderma Selain Individu
i. nama penderma;	i. nama penderma;
ii. nombor kad pengenalan / polis / tentera / nombor passport; dan	ii. nombor pendaftaran; dan
iii. alamat lengkap.	iii. alamat lengkap.

- d. Sila **kemukakan contoh resit rasmi** untuk persetujuan KPHDN sebelum ianya dicetak. Sekeping resit rasmi yang telah dipersetujui hendaklah dikemukakan kepada KPHDN sebagai rujukan.

3.2 Pelaksanaan e-Invois adalah terpakai kepada SALVATION ARMY SOCIAL FUND bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang.

- a. e-Invois perlu dilaksanakan secara berperingkat oleh **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** mengikut garis masa pelaksanaan mandatori yang ditetapkan dalam perenggan 1.5, Garis Panduan e-Invois.
- b. Walau bagaimanapun, **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** boleh memilih untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela pada tarikh yang lebih awal berbanding garis masa yang ditetapkan.
- c. Pada masa ini, sekiranya pendapatan tahunan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** kurang daripada RM500,000, **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** adalah dikecualikan daripada pelaksanaan e-Invois sepertimana yang dinyatakan di perenggan 1.6, Garis Panduan e-Invois. Pengeluaran resit rasmi (*preprinted*) adalah masih terpakai.
- d. Lanjutan daripada perenggan (c) di atas, sekiranya jumlah pendapatan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** telah mencapai atau melebihi RM500,000 bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan e-Invois hendaklah bermula pada 1 Januari tahun kedua selepas tahun taksiran di mana jumlah pendapatan tahunan berkenaan mencapai atau melebihi RM500,000.
- e. Kaedah pelaksanaan e-Invois adalah seperti berikut:

(i) Jika penderma **meminta e-Invois**

- **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang.
- Pengeluaran resit rasmi (*preprinted*) subseksyen 44(6) ACP bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang tidak lagi diperlukan sekiranya e-Invois telah dikeluarkan kepada penderma.
- **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** tidak perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran KPHDN terlebih dahulu jika e-Invois dikeluarkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

(ii) Jika penderma **tidak meminta e-Invois**

- **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** dikehendaki mengeluarkan resit rasmi (*preprinted*) subseksyen 44(6) ACP mengikut garis panduan yang dikeluarkan dan/ atau ketetapan mengikut kelulusan yang diberikan oleh KPHDN; dan
- **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.

Nota:

- i. Bagi penderma yang tidak mengemukakan maklumat lengkap, **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** perlu menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang tersebut secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.
- ii. Bagi tujuan pengeluaran e-Invois (termasuk e-invois yang disatukan), butiran yang dinyatakan dalam perenggan 3.1 (b)(vii) hendaklah dimasukkan ke dalam ruangan "Keterangan Produk atau Perkhidmatan". Maklumat tersebut hendaklah sama dengan butiran kelulusan yang terkandung dalam resit rasmi (*preprinted*) subseksyen 44(6) ACP.
- iii. Mulai 1 Januari 2026, bagi penerimaan derma atau hadiah wang melebihi RM10,000 dalam satu transaksi, penderma wajib mengemukakan maklumat lengkap seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1, Garis Panduan e-Invois untuk tujuan pelaksanaan e-Invois.

3.3 Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6), 44(7A) Dan 44(7B) ACP

SALVATION ARMY SOCIAL FUND mestilah mematuhi syarat-syarat berikut:

- a. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah terus beroperasi dengan tidak bertujuan untuk mencari keuntungan semata-mata.
- b. Jika berhasrat mengenakan caj tertentu, **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** perlu mengemukakan Polisi Bantuan Kewangan (*Financial Assistance Policy - FAP*) yang komprehensif bagi tujuan kelulusan KPHDN.
- c. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** perlu memaklumkan amaun bantuan kewangan atau diskaun yang diberikan kepada penerima manfaat di dalam resit atau invois yang dikeluarkan. Penjelasan manfaat kewangan adalah merujuk FAP **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**. Penerima manfaat yang ditaja atau dibiayai oleh pihak ketiga atau mempunyai perlindungan insurans/ takaful dianggap bukan penerima manfaat dan tidak boleh dikira sebagai aktiviti bagi tujuan syarat belanja 50% atau 60% **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**.
- d. Semua derma yang diterima dalam bentuk tunai atau melalui perbankan internet/ cek/ kiriman wang/ wang pos/ draf bank perlu dikeluarkan resit rasmi subseksyen 44(6) ACP yang memenuhi format resit di perenggan 3.1.
- e. Resit kelulusan subseksyen 44(6) ACP hanya boleh dikeluarkan oleh **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** yang mendapat kelulusan subseksyen 44(6) ACP. Resit tersebut tidak boleh digunakan oleh pihak lain.
- f. Jika mempunyai objektif dan aktiviti berkaitan pemberian biasiswa/ bantuan kewangan pendidikan adalah dibenarkan untuk mengenakan syarat jaminan

pekerjaan atau syarat ikatan (*bonding condition*) kepada penerima biasiswa atau bantuan kewangan pendidikan tersebut dengan syarat:

- i) hendaklah dipastikan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan amaun sebenar biasiswa atau bantuan kewangan yang dibelanjakan dalam suatu tahun taksiran adalah diberikan kepada warganegara Malaysia dari kumpulan B40 dan/atau M40 tanpa mengira bangsa atau agama. Tafsiran kumpulan B40 dan M40 adalah sebagaimana dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia; dan
- ii) **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** perlu menyimpan rekod dan maklumat ini secara berasingan bagi tujuan semakan.

3.4 Permohonan kelulusan secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN bagi perkara berikut:-

- a. sebelum pemerolehan aset atau harta tambahan. Permohonan hendaklah dikemukakan berdasarkan nilai kos aset seperti jadual di bawah:

Kategori Aset	Kos
Tanah dan Bangunan	Bagi setiap transaksi pemilikan dan pembelian aset
Loji dan Jentera	
Kenderaan	
Pengubahsuaian	Bagi setiap kos pengubahsuaian
Lekapan dan Kelengkapan	RM20,000 dan ke atas bagi setiap transaksi pemilikan dan pembelian aset
Peralatan Pejabat	
Perkakasan Komputer	

- b. sebelum pelupusan aset atau harta tambahan (tanpa mengambil kira kategori aset dan kos pelupusan);
- c. sebelum sebarang pertukaran ALPA/ ALP/ AJK, keahlian **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;
- d. sebelum pindaan kepada Perlembagaan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;
- e. sebarang pertukaran kepada alamat **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;
- f. pembubaran atau penyerahan balik status kelulusan KPHDN.

3.5 Kelulusan/ Kebenaran bertulis daripada Menteri Kewangan mesti diperoleh sebelum menjalankan apa-apa aktiviti di luar negara.

Permohonan perlu dibuat kepada YB Menteri Kewangan untuk mendapatkan kebenaran atau kelulusan bertulis sebelum menjalankan apa-apa aktiviti di luar negara. Satu salinan kelulusan/ kebenaran bertulis tersebut hendaklah dikemukakan kepada KPHDN.

3.6 Penggunaan dana untuk melaksanakan aktiviti bagi mencapai objektif:-

- a. Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun semasa semata-mata untuk aktiviti bagi mencapai objektif **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**. Perbelanjaan ini dipanggil sebagai belanja objektif.
- b. Belanja objektif merupakan perbelanjaan bagi pelaksanaan aktiviti yang berkaitan dengan objektif **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**. Contohnya seperti amaun pemberian biasiswa, bantuan kepada golongan yang memerlukan dan miskin, bantuan pembiayaan bil perubatan, perbelanjaan langsung dan lain-lain seperti dinyatakan dalam objektif yang diluluskan.
- c. Belanja operasi dan pentadbiran perlulah diasingkan daripada belanja berkaitan objektif. Belanja operasi dan pentadbiran yang dibenarkan adalah **tidak melebihi 20%** daripada keseluruhan pendapatan tahun terdahulu **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**.
- d. Lain-lain perbelanjaan operasi tidak boleh diambilkira sebagai perbelanjaan berkaitan objektif contohnya belanja sewa, belanja gaji kakitangan pentadbiran dan operasi **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**, belanja susut nilai, belanja modal dan lain-lain.
- e. Namun demikian, bayaran gaji atau upah kepada tenaga pengajar bagi program pendidikan/ pembelajaran untuk membantu para pelajar dari golongan kurang berkemampuan dibenarkan sebagai belanja objektif selaras dengan objektif penubuhan yang diluluskan.
- f. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** dibenarkan melibatkan diri dalam perniagaan berdasarkan peruntukan perenggan 44(7A)(a) ACP 1967 tertakluk kepada ketetapan KPHDN berikut:
 - i. syarat bagi penggunaan dana terkumpul sehingga 25% untuk perniagaan:

sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun semasa semata-mata untuk aktiviti bagi mencapai objektif **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**.
 - ii. Syarat bagi penggunaan dana terkumpul dari 25% sehingga 35% untuk perniagaan:

sekurang-kurangnya 60% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya semata-mata untuk aktiviti bagi mencapai objektif **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**.

Ringkasan syarat		
Ketetapan	Penetapan Penggunaan Dana	Syarat Perbelanjaan - Aktiviti Objektif
1	Sehingga 25% daripada dana terkumpul*	Sekurang-kurangnya 50%
2	Melebihi 25% dan sehingga 35% daripada dana terkumpul*	Sekurang-kurangnya 60%

** Maksud dana terkumpul ialah jumlah dana terkumpul pada hari pertama dalam sesuatu tahun taksiran itu.

- iii. Semua amaun keuntungan perniagaan yang diperolehi hendaklah dilaporkan sebagai pendapatan pada tahun ia diterima dan digunakan semata-mata bagi tujuan mencapai objektif **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**.
- iv. Perniagaan yang dimaksudkan adalah perniagaan yang mempunyai kaitan dengan objektif dan operasi **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** selaras dengan subseksyen 44(7B) ACP 1967.
- v. Akaun perniagaan perlu disediakan secara berasingan dan dikemukakan kepada KPHDN sekiranya diminta.

3.7 Pengemukakan Penyata Kewangan Beraudit, Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan Pengiraan Cukai

- a. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah mengemukakan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit oleh juruaudit awam bertauliah, BNCP dan pengiraan mengikut ketetapan dalam Jadual berikut:

Jenis Fail Cukai	Kategori Pembayar Cukai	Ada/ Tiada Perniagaan	Tarikh Akhir Pengemukakan Penyata Kewangan Beraudit, BNCP & Pengiraan Cukai	Kaedah Pengemukakan	
				Penyata Kewangan Beraudit & Pengiraan Cukai	BNCP
F	Pertubuhan	Tiada	30 April setiap tahun	Dikemukakan ke alamat: Sektor Dasar Percukaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Menara Hasil, Aras 17, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.	e-filing
		Ada	30 Jun setiap tahun		
C	Syarikat - SBMJ	Ada atau Tiada	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir penutupan tempoh perakaunan yang menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.		
TA	Badan Amanah				

- b. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah mengemukakan penyata kewangan yang disatukan sekiranya **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** mempunyai cawangan di bawah naungannya. Penyata yang disatukan tersebut hendaklah mengandungi semua pendapatan yang diterima dan perbelanjaan yang dibuat olehnya.

- c. Bagi tujuan pengiraan cukai, **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah merujuk kepada peruntukan undang-undang terpakai yang sedang berkuat kuasa.
- d. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** adalah digalakkan memaparkan (*disclose*) penyata kewangan beraudit tahunan kepada pihak awam menerusi pelbagai medium hebahan untuk ketelusan.
- e. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah mengemukakan maklumat berikut bersama-sama penyata kewangan:-
 - i. Senarai penderma yang telah menderma sebanyak **RM20,000.00 dan ke atas**.
 - ii. Senarai penerima bantuan yang lengkap dengan butiran berikut:-
 - maklumat penerima bantuan: nama, nombor kad pengenalan, amaun, jenis bantuan.
 - maklumat ibu dan bapa atau penjaga penerima bantuan: nama, nombor kad pengenalan serta majikan ibu dan bapa atau penjaga.
 - Maklumat IO yang menerima bantuan: Nama, alamat dan nama pengarah institusi atau organisasi.
 - iii. Sekiranya senarai penderma dan senarai penerima bantuan adalah melebihi 50 orang, sila kemukakan maklumat dengan menggunakan pemacu USB (dalam format Excel).
 - iv. Senarai aktiviti yang dilaksanakan bagi mencapai objektif **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**.

Kesemua maklumat tambahan ini perlu dikemukakan bersama-sama dengan penyata kewangan beraudit dalam tempoh yang ditetapkan seperti di perenggan 3.7.
- f. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** hendaklah menyimpan semua rekod dan dokumen dengan lengkap dan teratur untuk rujukan dan semakan KPHDN sekiranya diperlukan kelak.

3.8 Syarat tambahan kepada **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** yang menerima sumbangan/ derma daripada pengasas/ ahli/ anggota pengasas/ kumpulan syarikat.

Bagi **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** yang mana sumber dana adalah daripada sumbangan pengasas/ ahli/ anggota pengasas/ kumpulan syarikat, **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** tersebut perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- a. perlu membuat hebahan status kelulusan KPHDN kepada orang awam; dan
- b. memperjelaskan secara terperinci tujuan dan penggunaan dana terkumpul dalam penyata kewangan beraudit setiap tahun.

3.9 Pembubaran atau Penyerahan Balik Status Kelulusan

- a. Sekiranya **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** berhasrat untuk dibubarkan atau menyerah balik status kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, permohonan kelulusan hendaklah dikemukakan kepada KPHDN dalam tempoh 90 hari bekerja daripada tarikh resolusi ALPA/ ALP/ AJK dibuat.
- b. Pembubaran tidak boleh dilaksanakan sebelum kelulusan bertulis daripada KPHDN diperolehi. Tarikh penamatan kelulusan subseksyen 44(6) ACP akan diputuskan oleh KPHDN secara bertulis. Sila rujuk Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 Bagi Institusi/ Organisasi/ Tabung yang berkuat kuasa.

3.10 Larangan Dalam Tempoh Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967

SALVATION ARMY SOCIAL FUND adalah dilarang daripada melakukan perkara berikut:-

- a. melabur dalam syarikat subsidiari dengan pegangan saham melebihi 49%;
- b. menerima derma daripada syarikat subsidiari yang mana **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** memegang lebih 49% saham;
- c. menggunakan logo rasmi HASiL atau mengubahsuai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
- d. melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan kesatuan sekerja atau membenarkan kewangannya, ahli/ staf dan premis/ harta digunakan untuk tujuan tersebut;
- e. membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;
- f. melibatkan diri dalam pembiayaan sebarang aktiviti keganasan;
- g. mengatur atau pun terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram;
- h. menyalahgunakan dana awam bagi tujuan lain yang tidak selari dengan objektif yang telah digariskan dan boleh menjurus kepada ketirisan hasil;
- i. membenarkan institusi, organisasi atau tabung lain menggunakan resit kelulusan subseksyen 44(6) ACP;
- j. melanggar syarat dan tanggungjawab yang telah ditetapkan di perenggan 2 dan 3.1 hingga 3.10 di atas; dan
- k. **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** perlu mematuhi apa-apa larangan dalam tempoh kelulusan baharu yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

3.11 Akibat Pelanggaran Syarat-Syarat Kelulusan

- a. Sekiranya **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** melanggar mana-mana **syarat kelulusan** yang dinyatakan, pengecualian cukai ke atas pendapatan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** adalah tidak terpakai sebagaimana ditetapkan di bawah subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6 ACP 1967.
- b. Cukai pendapatan boleh dikenakan kepada **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** jika melanggar syarat dan larangan kelulusan semasa dalam tempoh kelulusan KPHDN berkuat kuasa. Kadar cukai akan dikenakan mengikut jenis fail cukai yang didaftarkan dan cukai akan dibangkitkan pada tahun taksiran pelanggaran syarat itu berlaku.
- c. perkataan '**syarat kelulusan**' termasuk syarat kelulusan, larangan dalam tempoh kelulusan dan tanggungjawab institusi atau organisasi selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa dan **Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) Bagi Institusi / Organisasi / Tabung (IOT)** yang berkuatkuasa.
- d. Walau apapun, KPHDN atas budi bicaranya boleh menarik balik kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP berdasarkan merit kesalahan sesuatu pelanggaran syarat.
- e. Dalam situasi di mana **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** tiada pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran dalam tempoh kelulusan dan berlakunya pelanggaran syarat, KPHDN boleh menggunakan kuasa di bawah seksyen 148 ACP untuk memendekkan/ menarik balik status kelulusan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** di bawah subseksyen 44(6) ACP.
- f. Ringkasan pelanggaran syarat dan larangan kelulusan oleh **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** adalah seperti berikut:
 - i) gagal atau lewat mengemukakan penyata kewangan beraudit untuk tempoh yang diperlukan;
 - ii) gagal atau lewat mengemukakan BNCP;
 - iii) gagal atau lewat mengemukakan senarai lengkap penderma yang telah menderma sebanyak RM20,000.00 dan ke atas;
 - iv) gagal atau lewat mengemukakan senarai penerima bantuan;
 - v) gagal atau lewat mengemukakan lampiranaktiviti;
 - vi) gagal mematuhi syarat peratusan perbelanjaan untuk objektif;
 - vii) gagal mematuhi syarat peratusan penggunaan dana terkumpul untuk perniagaan di bawah subseksyen 44(7A)(a) ACP;

- viii) menyalahguna resit derma atau membenarkan pihak lain menggunakan resit derma cukai pihak **SALVATION ARMY SOCIAL FUND** yang diluluskan;
- ix) menggunakan resit yang tidak mengikut format yang ditetapkan oleh KPHDN;
- x) mengeluarkan resit kepada penderma yang tidak memberikan maklumat yang lengkap;
- xi) memiliki lebih 49% pegangan saham dalam anak syarikat atau/ dan menerima derma daripadanya;
- xii) gagal melaksanakan sebarang aktiviti seperti dalam objektif;
- xiii) melaksanakan aktiviti yang tidak selaras dengan objektif;
- xiv) gagal mengemukakan permohonan bertulis kepada KPHDN berkenaan pindaan perlembagaan, perubahan ALPA/ ALP/ AJK atau pertambahan/pengurangan aset;
- xv) gagal memaklumkan pertukaran alamat;
- xvi) melaksanakan aktiviti di luar negara tanpa kelulusan Menteri Kewangan;
- xvii) memberi manfaat dan faedah kepada ALPA/ ALP/ AJK (melainkan seperti yang dibenarkan dalam perenggan 2.5);
- xviii) menyalahgunakan dana untuk aktiviti haram, membiayai sebarang aktiviti keganasan atau kepentingan tertentu pengasas/ ALPA/ ALP/ AJK atau mana-mana pihak yang mengendalikan **SALVATION ARMY SOCIAL FUND**;
- xix) terlibat dalam pengubahan wang haram; dan
- xx) pelanggaran mana-mana syarat dan larangan kelulusan lain yang ditetapkan dalam surat kelulusan atau Garis Panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

4. TEMPOH MASA KELULUSAN, LANJUTAN DAN RAYUAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

- 4.1 Had tempoh kelulusan oleh KPHDN boleh diberikan sehingga **10 tahun** kepada IOT yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP.
- 4.2 Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, permohonan rasmi secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada KPHDN dalam tempoh 6 bulan sebelum tempoh kelulusan sedia ada tamat.

- 4.3 Lanjutan tempoh kelulusan akan diberi pertimbangan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan syarat-syarat kelulusan terdahulu dan dokumen sokongan terkini yang dikemukakan.

**Bahagian Kelulusan dan Pemantauan
Sektor Dasar Percukaian,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

DASAR PELABURAN**1. Pengenalan**

Institusi / Organisasi yang diberikan kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) di bawah subseksyen 44(6) ACP boleh melabur untuk mendapat pulangan kewangan bagi tujuan mencapai dan melaksanakan objektif yang diluluskan. Pelaburan perlu dibuat secara bertanggungjawab, telus dan berhemah untuk menghasilkan pulangan terbaik dalam tahap risiko yang boleh diterima.

2. Skop

2.1 Dasar pelaburan ini hanya terpakai kepada institusi / organisasi yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen 44(6), ACP.

2.2 Dasar pelaburan ini tidak terpakai kepada Tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP.

3. Syarat Pelaburan

3.1 Pelaburan yang dilakukan perlu berisiko rendah dan dijangka boleh memberikan pulangan kewangan kepada institusi / organisasi.

3.2 Konflik kepentingan di antara pelaburan yang dilakukan dengan kedudukan Ahli Lembaga Pemegang Amanah/Ahli Lembaga Pengarah/Ahli Jawatan Kuasa (ALPA/ALP/AJK) mestilah dielakkan.

3.3 Jenis pelaburan yang dipilih juga mestilah tidak menimbulkan sebarang konflik dengan aktiviti atau objektif institusi / organisasi. Sebagai contoh, sesebuah institusi / organisasi yang mempunyai objektif kebajikan dan kesihatan masyarakat tidak boleh melabur di dalam syarikat-syarikat yang menghasilkan bahan yang berpotensi untuk memudaratkan kesihatan seperti arak dan rokok ataupun syarikat yang menjalankan perniagaan seperti perjudian.

3.4 Pelaburan mesti dilakukan dalam instrumen pelaburan dalam negara. Sebarang pelaburan yang hendak dilakukan di dalam instrumen pelaburan luar negara perlu mendapatkan kelulusan KPHDN.

3.5 30% rezab kecemasan boleh dilaburkan tetapi mestilah dilaburkan dalam pelaburan simpanan tetap yang mempunyai kecairan tinggi (*high liquidity*) dan berjangka pendek (*short term*).

4. Jenis pelaburan yang dibenarkan

4.1 Perenggan 3.4 adalah terpakai bagi penentuan jenis pelaburan yang dipilih.

4.2 Institusi / Organisasi digalakkan untuk membuat pelaburan yang mempunyai tahap kecairan yang tinggi (*high liquidity*) iaitu pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai dengan mudah.

4.3 Rizab / Dana terkumpul institusi / organisasi boleh dilaburkan di dalam pilihan berikut:

- i. Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) atau pelaburan lain yang berjangka pendek, sederhana dan panjang dan dijamin oleh Kerajaan Malaysia seperti Malaysian Treasury Bills (MTB), Government Investment Issues (GII), Bank Negara Malaysia Bills (BNMB), Cagamas Instruments, Bon Dana Harta dan lain-lain instrumen yang seumpamanya;
- ii. debentur atau pinjaman lain yang dikeluarkan menurut mana-mana undang-undang oleh mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- iii. saham, debentur atau sekuriti lain dalam sesebuah syarikat diperbadankan di Malaysia yang disenaraikan di Bursa Saham yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007;
- iv. saham, debentur atau sekuriti lain dalam sesebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993;
- v. tanah estet atau kepentingan dalam tanah di Malaysia dan pinjaman yang diperolehi bersandarkan tanah estet atau kepentingan tertakluk kepada nilai sekuriti;
- vi. simpanan tetap dalam institusi kewangan yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Pelaburan bagi rizab kecemasan 30% hanya boleh dilaburkan dalam simpanan tetap berjangka pendek);
- vii. unit-unit dalam Syarikat Unit Amanah (*Unit Trust*) di mana sekurang-sekurangnya 95% pelaburan dilaburkan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dalam satu-satu masa;
- viii. bon atau pembelian kertas-kertas gadaijanji (*purchasing of mortgage papers*) nota perdagangan (*commercial notes*); penerimaan jurubank (*banker's acceptances*), kertas pasaran wang (*money market papers*), sijil pendepositan (*certificates of deposits*), sekuriti hutang persendirian (*private debt securities*), nota janji (*promissory notes*) dan bil pertukaran dalam etikata Akta Bil Pertukaran 1949 (Bills of Exchange Act 1949) dan lain-lain instrumen kewangan boleh niaga yang seumpamanya; atau
- ix. pelaburan lain yang diluluskan oleh KPHDN.

Tiada sebarang penetapan peraturan kadar berkaitan pilihan di atas tertakluk kepada Para 5.1 dan 5.2.

5. Jumlah Pelaburan yang Dibenarkan

Institusi / Organisasi dibenar untuk memperuntukkan rizab / dana terkumpul bagi tujuan pelaburan setiap tahun. Bagi tujuan perniagaan institusi / organisasi adalah dibenarkan menggunakan rizab / dana terkumpulnya sehingga 35% selaras dengan perenggan 44(7A)(a) ACP. Dengan mengambilkira peruntukan ini, maka:

5.1 Institusi / Organisasi Yang Ada Menjalankan Perniagaan

Perenggan 44(7A)(a) ACP menetapkan bahawa sehingga 35% daripada rizab / dana terkumpul **boleh** digunakan untuk tujuan perniagaan.

Oleh yang demikian, institusi / organisasi boleh menggunakan rizab / dana terkumpul untuk pelaburannya tertakluk kepada syarat berikut:

- Sehingga 35% daripada rizab / dana terkumpul ; dan
- Sehingga 30% digunakan bagi tujuan kecemasan untuk melaksanakan objektif

Pilihan pelaburan adalah seperti di perenggan 4.3 dasar ini.

5.2 Institusi / Organisasi Yang Tidak Menjalankan Perniagaan

Bagi institusi / organisasi yang tidak menjalankan perniagaan, perenggan 5.1 dasar ini tidak terpakai. Institusi / Organisasi boleh menggunakan rizab / dana terkumpul bagi tujuan pelaburan dengan syarat mengekalkan 30% bagi tujuan kecemasannya untuk melaksanakan objektif yang dibenarkan.

Contoh 1:

Yayasan Bersepadu menjalankan aktiviti kebajikan untuk orang kurang upaya di Ipoh Perak. Rizab / Dana terkumpul Yayasan Bersepadu pada awal tempoh asas bagi tahun taksiran 2024 adalah RM1,000,000. Yayasan Bersepadu juga menjalankan perniagaan kraftangan yang dihasilkan oleh orang kurang upaya. Hasil jualan dapat membiayai pelaksanaan objektif Yayasan Bersepadu.

Yayasan Bersepadu menggunakan sehingga 35 % daripada rizab / dana terkumpul Yayasan Bersepadu, iaitu sehingga RM350,000 untuk tujuan operasi perniagaan.

Oleh yang demikian, Yayasan Bersepadu hanya **dibenarkan membuat pelaburan** sehingga RM350,000 (35%) daripada rizab / dana terkumpul dalam tahun taksiran 2024.

Bagi pemahaman yang lebih jelas, rujuk Jadual berikut:

Rizab / Dana Terkumpul	Penggunaan		
	Rizab kecemasan untuk objektif	Perniagaan	Pelaburan
Kadar	30%	Sehingga 35%	Sehingga 35% + baki yang tidak digunakan untuk perniagaan
RM1,000,000	RM300,000	RM350,000 (Tiada Baki)	RM350,000
Kategori Pelaburan	Simpanan tetap jangka pendek & kecairan tinggi		Para 4.3

Contoh 2:

Merujuk kepada fakta yang sama seperti contoh 1, Yayasan Bersepadu boleh menggunakan sehingga 35% daripada rizab / dana terkumpul Yayasan Bersepadu, iaitu sehingga RM350,000 untuk tujuan operasi perniagaan. Walau bagaimanapun, Yayasan Bersepadu hanya menggunakan RM200,000 dalam tahun taksiran 2024 bagi tujuan perniagaan.

Baki daripada 35% yang dibenarkan untuk perniagaan, iaitu RM150,000 boleh digunakan untuk dilaburkan. Oleh yang demikian, Yayasan Bersepadu dibenarkan membuat pelaburan sehingga RM500,000 (RM350,000 + RM150,000) daripada rizab / dana terkumpul dalam tahun taksiran 2024.

Bagi pemahaman yang lebih jelas, rujuk Jadual berikut:

Rizab / Dana Terkumpul	Penggunaan		
	Rizab kecemasan untuk objektif	Perniagaan	Pelaburan
Kadar	30%	Sehingga 35%	Sehingga 35% + baki yang tidak digunakan untuk perniagaan
RM1,000,000	RM300,000	RM200,000 (Baki RM150,000)	RM350,000 + RM150,00 = RM500,000
Kategori Pelaburan	Simpanan tetap jangka pendek & kecairan tinggi		Para 4.3

Contoh 3:

Merujuk kepada fakta yang sama seperti contoh 1, tetapi Yayasan Bersepadu tidak menjalankan sebarang perniagaan. Kadar 35% daripada rizab / dana terkumpul untuk tujuan perniagaan boleh dilaburkan sepenuhnya.

Amaun yang boleh dilaburkan oleh Yayasan Bersepadu ialah sehingga 70% (35% + 35%) daripada rizab / dana terkumpul bagi tahun taksiran 2024.

Oleh yang demikian, Yayasan Bersepadu dibenarkan membuat pelaburan sehingga RM700,000 (RM350,000 + RM350,000) daripada rizab / dana terkumpul dalam tahun taksiran 2024.

Bagi pemahaman yang lebih jelas, rujuk Jadual berikut:

Rizab / Dana Terkumpul	Penggunaan		
	Rizab kecemasan untuk objektif	Perniagaan	Pelaburan
Kadar	30%	Sehingga 35%	Sehingga 35% + Baki yang tidak digunakan untuk perniagaan
RM1,000,000	RM300,000	- (Baki RM350,000)	RM350,000 + RM350,000 = RM700,000
Kategori Pelaburan	Simpanan tetap jangka pendek & kecairan tinggi		Para 4.3

5.3 Keuntungan Kewangan Pelaburan

Semua pulangan keuntungan pelaburan yang diperolehi hendaklah dilaporkan sebagai pendapatan dan digunakan semata-mata bagi tujuan mencapai objektif institusi / organisasi.

Amaun ini mesti diambilkira dalam pengiraan penggunaan tidak kurang daripada 50% atau 60% belanja untuk aktiviti selaras dengan objektif penubuhan institusi / organisasi. Keuntungan pelaburan tidak boleh diagihkan kepada ALPA/ALP/AJK.

6. Tanggungjawab Institusi / Organisasi

6.1 ALPA/ALP/AJK kepada institusi / organisasi yang dikecualikan cukai di bawah subseksyen 44 (6) ACP mempunyai tanggungjawab sebagai pemegang amanah (*fiduciary*) untuk melindungi pelaburan dan memastikan pulangan pelaburan digunakan untuk melaksanakan objektif institusi / organisasi.

6.2 Jika institusi / organisasi melabur melalui pihak ketiga seperti pengurus pelaburan berlesen atau berdaftar untuk berdagang dalam produk pelaburan bagi pihak institusi / organisasi, pengurus pelaburan akan dianggap sebagai ejen. Walau bagaimanapun, ALPA/ALP/AJK akan terus bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaburan yang dilakukan oleh ejen pelaburan yang dilantik.

6.3 Perbelanjaan yang dilakukan untuk menguruskan pelaburan termasuk bayaran ejen pelaburan tidak boleh diambil kira dalam syarat penentuan perbelanjaan sekurang-kurangnya 50% atau 60% daripada pendapatan tahun sebelum untuk melaksanakan objektif institusi / organisasi.

7. Larangan kepada Institusi / Organisasi

Institusi / Organisasi adalah dilarang untuk melakukan pelaburan di dalam pelaburan berisiko tinggi seperti mata wang kripto (*cryptocurrency*) dan lain-lain pelaburan yang dilarang di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

8. Kesan pelanggaran syarat

Mulai tahun taksiran 2024, sekiranya institusi / organisasi melanggar mana-mana syarat, tanggungjawab dan larangan yang ditetapkan dalam dasar pelaburan ini, institusi / organisasi akan dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang mana pelanggaran syarat berlaku walaupun dalam tempoh kelulusan masih berkuatkuasa selaras dengan subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP.

Contoh 4:

Merujuk kepada fakta yang sama seperti contoh 1, Yayasan Bersepadu telah melabur sehingga 65% (30%+35%) daripada rizab / dana terkumpul yang kesemuannya dalam pelaburan di Para 4.3.

Oleh kerana Yayasan Bersepadu tidak melabur jumlah rizab kecemasan ke dalam pelaburan simpanan tetap berjangka pendek yang dibenarkan, Yayasan Bersepadu telah melanggar syarat yang ditetapkan di dalam dasar pelaburan. Justeru itu,

pendapatan Yayasan Bersepadu adalah tertakluk kepada pengenaan cukai pendapatan dalam tahun taksiran 2024.

Bagi pemahaman yang lebih jelas, rujuk Jadual berikut:

Rizab / Dana Terkumpul	Penggunaan		
	Rizab kecemasan untuk objektif	Perniagaan	Pelaburan
Kadar	30%	Sehingga 35%	Sehingga 35% + baki yang tidak digunakan untuk perniagaan
RM1,000,000	RM300,000	RM350,000 (Tiada Baki)	RM350,000
Kategori Pelaburan	Para 4.3		Para 4.3

**Bahagian Kelulusan dan Pemantauan
Sektor Dasar Percukaian,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

SENARAI PENDERMA

SENARAI BAGI TAHUN : _____

[illegible]